

## **The Association of Banks in Malaysia**

### **Soalan-soalan Lazim mengenai Pindahan Wang Interbank GIRO (IBG)**

**1. Apakah objektif kempen?**

Objektif kempen ini adalah untuk memupuk kesedaran di kalangan orang ramai serta mendidik pelanggan-pelanggan bank mengenai pindahan wang IBG menggunakan internet atau perbankan mudah alih. Pindahan wang IBG merupakan cara yang pantas, berpatutan dan mudah untuk memindahkan wang dari satu bank ke bank yang lain, selain daripada membuat pembayaran kepada seorang penerima yang merupakan pelanggan bank yang lain.

**2. Apakah aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan dalam kempen ini?**

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) berserta bank-bank ahli akan bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk mempromosikan kempen pindahan wang IBG ke seluruh negara, melalui :-

- Program jerayawara (roadshows)
- Forum
- Iklan bercetak
- Iklan di radio
- Iklan dalam talian

Di samping itu, bank-bank secara individu akan mengadakan kempen e-pembayaran mereka sendiri dengan memberikan tumpuan kepada pindahan wang IBG.

**3. Bank-bank manakah yang ada menawarkan perkhidmatan pindahan wang IBG?**

Pada masa ini terdapat 29 bank yang telah mengambil bahagian iaitu:

- 3.1 Affin Bank Berhad
- 3.2 Alliance Bank Malaysia Berhad
- 3.3 AmBank (M) Berhad
- 3.4 Bank of America Malaysia Berhad
- 3.5 Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
- 3.6 BNP Paribas Malaysia Berhad
- 3.7 CIMB Bank Berhad
- 3.8 Citibank Berhad
- 3.9 Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
- 3.10 Hong Leong Bank Berhad
- 3.11 HSBC Bank Malaysia Berhad
- 3.12 Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
- 3.13 J.P. Morgan Chase Bank Berhad
- 3.14 Malayan Banking Berhad
- 3.15 Mizuho Bank (Malaysia) Berhad
- 3.16 OCBC Bank (Malaysia) Berhad
- 3.17 Public Bank Berhad
- 3.18 RHB Bank Berhad
- 3.19 Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
- 3.20 Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
- 3.21 The Royal Bank of Scotland Berhad
- 3.22 United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

- 3.23 Al Rajhi Banking and Investment Corpn. Bhd.
- 3.24 Bank Islam Malaysia Berhad
- 3.25 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- 3.26 Bank Muamalat Malaysia Berhad
- 3.27 Bank Pertanian Malaysia Berhad
- 3.28 Bank Simpanan Nasional
- 3.29 Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad

**4. Bagaimanakah transaksi pindahan wang IBG ini dilaksanakan?**

Untuk pelanggan individu, terdapat tiga pilihan bergantung kepada bank yang berkenaan:

- Pilihan 1 – perbankan Internet dan perbankan mudah alih
- Pilihan 2 – di kaunter cawangan bank
- Pilihan 3 – di Mesin Juru Wang Automatik (ATM), terhad untuk perkhidmatan tertentu sahaja

**Untuk pelanggan korporat:**

Pindahan wang boleh dibuat melalui perbankan internet atau pindahan fail menerusi media yang telah dipersetujui seperti CD atau disket atau sebarang kaedah elektronik yang diterima oleh bank berkenaan.

**5. Adakah terdapat jumlah maksimum yang boleh dipindahkan melalui pindahan wang IBG oleh individu?**

- Di kaunter atau bergantung kepada bank berkenaan, dan tertakluk kepada terma dan syarat setiap individu bank masing-masing, jumlah maksima bagi setiap pindahan wang ialah RM1 juta, berdasarkan kepada jumlah wang yang terdapat di dalam akaun pelanggan.
- Melalui perbankan internet - jumlah maksima mengikut terma dan syarat perbankan internet bank-bank individu tersebut adalah di antara RM5,000 hingga RM10,000. Bagi pelanggan korporat, sila semak dengan bank anda kerana ada terdapat bank yang tidak menetapkan had bagi setiap pindahan wang selagi pelanggan mempunyai wang yang secukupnya di dalam akaun syarikat.

**6. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh bank-bank untuk menggalakkan penggunaan pindahan wang IBG kepada pelanggan mereka?**

Bergantung kepada strategi perniagaan bank-bank berkenaan, bank akan –

- Menggalakkan pelanggan yang mengeluarkan cek dengan jumlah yang besar supaya bertukar kepada e-pembayaran.
- Mempromosikan perbankan dalam talian kepada syarikat SME, korporat dan pelanggan individu.
- Menawarkan tarif khas.
- Memaklumkan dan menyiarkan tarif perbankan dalam talian di laman sesawang bank dan/atau di cawangan-cawangan bank.
- Melakukan demonstrasi mengenai tahap kecekapan yang boleh dinikmati oleh pelanggan apabila bertukar kepada e-pembayaran.

**7. Bagaimanakah cara seseorang ingin menyelaraskan bayaran yang dibuat dan diterima melalui pindahan wang IBG?**

Bermula 1 April 2014, penerima boleh mendapatkan maklumat seperti rujukan penerima, nama penghantar dan butiran pembayaran yang lain, di kebanyakan bank. Maklumat ini akan dipaparkan dalam penyata akaun bank dan dalam talian sekiranya pengirim memberikan maklumat tersebut ketika melakukan transaksi pindahan wang IBG.

**8. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai sebarang akses kepada perbankan internet, adakah terdapat pilihan yang lain?**

Bank-bank ahli akan menyediakan perkhidmatan kiosk internet layan diri di cawangan-cawangan bank untuk memudahkan pengguna menggunakan perbankan internet. Orang ramai yang tidak mempunyai akses kepada perbankan internet boleh pergi ke cawangan-cawangan bank untuk menggunakan pindahan wang IBG melalui perbankan internet. Sebagai pilihan, anda juga boleh membuat Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) di ATM. Terdapat juga bank yang ada menyediakan perkhidmatan pindahan wang IBG di ATM mereka pada masa ini.

**9. Bagaimana anda menangani kebimbangan orang ramai terhadap isu keselamatan transaksi dalam mempromosikan perbankan internet dan pindahan wang IBG?**

Bank-bank telah melaburkan sejumlah wang yang besar dalam sistem IT mereka bagi memastikan keselamatan dalam membuat transaksi dan akan melakukannya secara berterusan.

**10. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pengguna bertukar kepada e-pembayaran?**

Untuk menggalakkan pengguna beralih kepada pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia telah mengenakan yuran yang kos efektif bagi transaksi melalui e-pembayaran. Bagi yang membuat pembayaran melalui cek, mereka akan dikenakan yuran tambahan.

**11. Apakah bayaran yang dikenakan untuk transaksi pindahan wang IBG berbanding cek?**

- Berkuatkuasa 2 Mei 2013, yuran untuk transaksi pindahan wang IBG yang dilakukan secara dalam talian, sama ada melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih, pelanggan akan dikenakan yuran maksima sebanyak 10 sen. Untuk pelanggan korporat, bank-bank dibenarkan untuk mengenakan bayaran tambahan untuk perkhidmatan tambahan seperti yang telah dipersetujui.
- Berkuatkuasa 2 Januari 2015, semua pengeluaran cek akan dikenakan yuran pemprosesan cek baharu sebanyak 50 sen bagi setiap transaksi. Yuran ini adalah sebagai tambahan kepada duti setem 15 sen yang dikenakan bagi setiap keping cek.

**12. Bilakah wang tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun penerima?**

Di bawah adalah jadual waktu-waktu transaksi serta jangkaan waktu dana sedia ada bagi pemindahan dana:

	Pembayaran melalui Perbankan Internet dan Kaunter Bank	Pembayaran melalui ATM	* Jangkaan waktu dana sedia ada di dalam akaun penerima	
Hari Bekerja (Isnin – Jumaat)	Sebelum 5:00 am	Sebelum 4:00 am	Hari Bekerja yang sama	Pada atau sebelum 10:30 am
	5:00 am hingga 7:00 am	4:00 am hingga 6:00 am		Pada atau sebelum 1:00 pm
	7:01 am hingga 9:30 am	6:01 am hingga 8:30 am		Pada atau sebelum 3:00 pm
	9:31 am hingga 12:30 pm	8:31 am hingga 10:45 am		Pada atau sebelum 5:45 pm
	Selepas 12:30 pm	Selepas 10:45 am	Pada Hari Bekerja yang seterusnya	Pada atau sebelum 10:30 am
Bukan Hari Bekerja (Sabtu, Ahad dan Hari Cuti Awam Wilayah Persekutuan)			Pada Hari Bekerja yang seterusnya	Pada atau sebelum 10:30 am

29 bank-bank yang terlibat telahpun melaksanakan 4 tingkap waktu penjelasan tersebut dan kemasukan dana ke dalam akaun akan mengambil masa dalam 2 jam. Pada akhir 2014, waktu transaksi bagi pembayaran IBG untuk hari yang sama, akan dilanjutkan dari 12.30pm ke 5.00pm.

**13. Bolehkan saya memindahkan wang kepada mana-mana jenis akaun di bank yang berlainan?**

Anda boleh melakukan pindahan wang ke akaun milik anda sendiri atau akaun pihak ketiga di bank-bank yang terlibat. Pindahan wang IBG boleh dilakukan untuk akaun simpanan, akaun semasa, kad kredit dan akaun pinjaman.

**14. Bolehkah saya menggunakan pindahan wang IBG untuk bayaran kad kredit dan pinjaman saya?**

Boleh, melalui perbankan internet di kebanyakan bank.

**15. Adakah pindahan wang IBG beroperasi 24 jam sehari?**

Perkhidmatan pindahan wang IBG melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih beroperasi 7 hari seminggu dari pukul 6.00 pagi hingga 12.00 malam (tengah malam). Walaubagaimanapun, proses pindahan IBG hanya akan dilakukan pada hari bekerja. Sila rujuk soalan 12 di atas.

**16. Adakah saya mempunyai pilihan lain sekiranya saya ingin memindahkan wang yang melebihi RM10,000?**

Sekiranya anda ingin membuat pindahan wang melebihi RM10,000, anda perlu melakukan pindahan pada hari berikutnya atau rujuk kepada bank masing-masing.

**17. Adakah saya perlu membayar yuran perkhidmatan setiap kali saya membuat pindahan wang?**

Ya, anda akan dikenakan bayaran yuran perkhidmatan sebanyak 10 sen setiap kali anda membuat pindahan wang melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih.

**18. Bagaimanakah caranya saya boleh memaklumkan kepada penerima bahawa saya telah memindahkan wang ke dalam akaun beliau?**

Notis pemberitahuan akan dihantar kepada penerima jika:

- bank menyediakan ruangan untuk mengisi maklumat seperti alamat e-mel; dan
- pengirim mengisi alamat e-mel penerima dengan betul di ruangan yang berkenaan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]